



Praktis Ekstra Unit 1 Kenali Moral

1. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberi. TP1

tingkah laku	kelakuan	mewujudkan
menentukan	tindakan	tatasusila

Moral bermaksud kelakuan yang baik, betul dan diterima sejajar dengan kehendak agama dan tatasusila masyarakat setempat, peraturan dan undang-undang. Moral juga menentukan baik atau buruk terhadap sesuatu perbuatan dan tingkah laku supaya memberikan batasan terhadap aktiviti manusia. Individu yang bermoral seharusnya berkelakuan baik, benar dan patut dalam setiap tindakan agar hidup bahagia dan sejahtera. Kesedaran moral dalam diri setiap individu dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni dan progresif agar melahirkan negara yang aman.

2. Nyatakan perlakuan **baik**, **benar** dan **patut** berdasarkan situasi yang diberi. TP2

Situasi	Perlakuan
(a) Amri dan Praveen menolong Cikgu Nizam mengemas bengkel Kemahiran Hidup selepas tamat waktu persekolahan.	Baik
(b) Hui Min terjumpa sebuah dompet di kantin pada waktu rehat. Dia menyerahkan dompet itu kepada guru disiplin sekolah.	Benar
(c) Fariha telah menghilangkan barang perhiasan milik ibunya yang dipinjam semalam. Fariha mengaku perbuatannya itu dan memohon maaf kepada ibunya.	Benar
(d) Haikal melaporkan kepada Ketua Kampung kesalahan adiknya yang terlibat dengan kumpulan yang mencuri motosikal di kawasan perumahannya.	Patut
(e) Cikgu Sarala telah menjatuhkan hukuman digantung persekolahan kepada lima orang murid tingkatan tiga kerana kesalahan membuli murid lain.	Patut
(f) Pui San ternampak seorang lelaki yang menaiki kerusi roda hendak melintas jalan, lalu dia membantu lelaki itu melintas jalan menggunakan laluan belang yang disediakan.	Baik

Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Senaraikan perkara yang patut dilakukan oleh individu yang bermoral dan perkara yang tidak wajar dilakukan apabila berhadapan dengan situasi seperti di bawah. **KBAT** Mengaplikasi / Menilai

(a)




Individu bermoral:

- (i) Membantu dengan memimpin tangan orang OKU itu untuk melintas jalan
- (ii) Meninggalkan sebentar kepentingan sendiri demi menolong orang OKU itu

Individu tidak bermoral:

- (i) Membiarkan sahaja OKU itu melintas jalan dengan sendiri
- (ii) Menyuruh orang lain untuk membantu orang buta itu melintas jalan

(b)



Individu bermoral:

- (i) Menjadi warganegara yang sentiasa bekerja dengan ikhlas, jujur dan amanah
- (ii) Menjadi individu yang mendapatkan kesenangan hidup daripada hasil usaha sendiri

Individu tidak bermoral:

- (i) Menerima rasuah sebagai jalan pintas untuk mendapatkan kesenangan hidup
- (ii) Memberi rasuah untuk mendapatkan sesuatu tujuan demi kepentingan diri sendiri

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra Unit 2 Insan Bermoral Pilihan Hidup

1. Bulatkan maksud insan bermoral yang betul. TP 1

A	Individu yang mempunyai banyak peluang untuk mengecapi kejayaan dalam kehidupan mereka
B	Individu yang selalu mempercayai kebolehan dan keupayaan sendiri tanpa lekas berputus asa
C	Individu yang berfikiran, berperasaan dan mengamalkan perlakuan baik dalam semua tindakannya
D	Individu yang selalu berdoa supaya diberi kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan mereka

2. Tandakan (✓) untuk ciri-ciri insan bermoral.

Berbudi pekerti	✓
Menipu	
Membongkar rahsia	
Bertimbang rasa	✓
Menerima rasuah	
Saling menghormati	✓
Mengingkari arahan	
Membuang masa	
Berdisiplin	✓
Belas kasihan	✓
Bercakap kasar	
Mematuhi peraturan	✓
Berhutang	
Kejujuran	✓
Berdendam	

Bersikap adil	✓
Berperikemanusiaan	✓
Saling memahami	✓
Menagih dadah	
Bersikap individualistik	
Kerajinan	✓
Bersikap materialistik	
Kecewa	✓
Mencuri	
Khianat	
Sedih	✓
Malas	
Empati	✓
Boros	
Gembira	✓

3. Nyatakan tindakan yang akan anda ambil sebagai insan bermoral berdasarkan situasi yang berikut. TP 4

(a)



Saya akan meluangkan masa untuk menjalankan aktiviti yang lebih berfaedah. Saya akan mengulang kaji pelajaran dan melakukan aktiviti riadah bersama-sama rakan.

(b)



Saya akan mengakui kesalahan sendiri lalu meminta maaf daripada ibu bapa. Saya akan menerima hukuman ibu bapa dengan hati yang terbuka dan berjanji tidak akan bermain bola di kawasan perumahan.

(c)



Saya akan menjaga kebersihan tandas awam dengan mengepam air selepas menggunakan tandas. Saya akan membuang sampah di dalam tong sampah.

(d)



Saya akan memakai pakaian yang sopan dan bersesuaian semasa menghadiri majlis rumah terbuka. Saya akan menjaga akhlak dan tingkah laku supaya tidak menjatuhkan imej diri.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra

Unit 3

Hidup Bermoral Pemangkin Kesejahteraan

1. Bagaimanakah anda boleh menunjuk cara hidup bermoral dalam kehidupan seharian berdasarkan gambar di bawah? **TP 3**

(a)



- (i) Selalu mengunjungi rakan yang berlainan kaum dan agama pada sambutan hari perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Tahun Baharu Cina dan Krismas.
- (ii) Saling hormat-menghormati adat resam dan pantang larang rakan-rakan berlatar belakang berbeza seperti kaum Iban, Kadazandusun, Dayak, Sikh dan Orang Asli.

(b)



- (i) Melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat seperti gotong-royong membersihkan sekitar kawasan kediaman.
- (ii) Mengamalkan sikap tolong-menolong antara jiran tetangga tanpa mengira perbezaan kaum dan agama anutannya.

(c)



- (i) Meluangkan masa dengan membantu ahli keluarga membuat kerja-kerja rumah seperti mengemas ruang tamu, menyapu, sampah, membasuh kereta dan memotong rumput.
- (ii) Menghargai pertolongan anggota keluarga dalam membantu menyelesaikan bersama masalah seperti pinjaman kewangan dan kerosakan kenderaan.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Jawab soalan-soalan yang berikut mengikut pemahaman anda tentang cara hidup bermoral.

(a)

Individu yang mengamalkan cara hidup bermoral dapat mempamerkan nilai-nilai yang positif serta tidak terlibat dalam sebarang gejala sosial yang semakin berleluasa kini.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kesan jika berlaku sebaliknya? **KBAT** Menilai

Individu yang tidak mengamalkan cara hidup bermoral mudah terpengaruh dengan nilai-nilai yang negatif seperti sombong, mementingkan diri sendiri dan iri hati. Individu ini juga mudah terlibat dengan gejala sosial seperti rasuah, penyalahgunaan dadah, vandalisme dan ketagihan Internet serta gajet. Perkara ini memberi kesan yang buruk kepada individu tersebut dan keluarganya.

(b)

Remaja merupakan peneraju masa depan sesebuah negara yang perlu diberi perhatian dan bimbingan supaya tidak sesat jalan dan hidup bermoral.

Apakah pendapat anda tentang pernyataan di atas jika berlaku sebaliknya? **KBAT** Menilai

Remaja adalah masa depan negara. Remaja yang kurang diberi perhatian oleh ibu bapa, kurang kasih sayang serta kurang didikan agama akan menyumbang kepada masalah sosial seperti merokok, ponteng sekolah, gangsterisme dan vandalisme. Hal ini akan memberi kesan negatif kepada perkembangan dan kemajuan negara. Apabila masyarakat berada dalam keadaan kacau-bilau, maka negara sukar untuk membangun dan maju setaraf dengan negara-negara lain seperti Korea, China dan Jepun.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra

Unit 4

Hidup Beragama atau Berkepercayaan Membawa Berkah

Agama merupakan pegangan hidup manusia. Prinsip, amalan dan nilai yang terkandung dalam agama telah dijadikan panduan dalam menjalani hidup dan menghadapi cabaran.

1. Apakah nilai-nilai moral yang diajar oleh semua agama?

(a) Rasional

(b) Toleransi

(c) Hormat

(d) Kepercayaan kepada Tuhan

(e) Kejujuran

2. Mengapakah kita digalakkan supaya mengamalkan ajaran agama masing-masing dalam kehidupan seharian?

KBAT Menilai

• Mengeratkan hubungan kekeluargaan

• Mengekalkan amalan dan tradisi

• Menjadikan manusia yang baik

3. Sebagai seorang rakyat yang hidup dalam sebuah negara berbilang kaum dan pelbagai agama, bagaimanakah anda menghormati amalan keagamaan orang lain? **KBAT** Mengaplikasi

• Tidak menghina amalan keagamaan yang lain

• Tidak mengejek amalan keagamaan yang lain

• Mempunyai sikap toleransi yang tinggi terhadap amalan keagamaan yang lain

• Saling menghargai

• Saling menyayangi

• Saling memahami

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Nama:

Kelas:

Tarikh:

4. Jelaskan cara menghormati kepelbagaian amalan keagamaan dan kepercayaan berdasarkan situasi yang berikut. **TP 4**

Situasi 1

Pak Mahat mengadakan majlis cukur jambul dan kenduri doa selamat sempena kelahiran cucu pertamanya. Pak Mahat menjemput jirannya, Maniam dan keluarga ke majlis tersebut.

Sebagai jiran tetangga, Maniam bersama anak-anaknya hadir ke majlis tersebut dengan membawa buah tangan, bercakap dengan sopan, senyap ketika bacaan doa dan mengucapkan tahniah kepada Pak Mahat sekeluarga.

Situasi 2

Hazimah dijemput untuk menghadiri majlis makan malam sempena sambutan Tahun Baharu Cina yang diadakan oleh keluarga Mei Mei, rakan sekelasnya.

Hazimah hadir ke majlis itu dengan memakai pakaian yang sesuai dan sopan. Dia bersalaman dan bertanya khabar dengan ahli keluarga Mei Mei. Hazimah membawa sedikit juadah untuk tuan rumah sebagai tanda penghargaan.

Situasi 3

Pada hari Ahad yang lalu, perarakan kavadi sempena sambutan Thaipusam telah berlangsung dan ia melalui jalan besar di hadapan rumah anda.

Saya dan ahli keluarga meletakkan kenderaan di tempat lain kerana memberi ruang untuk keselesaan kepada mereka meraikan perayaan Thaipusam itu.

Situasi 4

Thomas sedang memandu menuju ke upacara pengebumian Kristian bagi mendiang bapa saudaranya. Pada masa yang sama Azman telah menelefon Thomas dan mengajaknya untuk menonton wayang di pusat beli-belah terkenal.

Azman memohon maaf kepada Thomas kerana tidak menghormati acara keagamaan yang sangat penting bagi rakannya yang beragama Kristian itu. Azman mengucapkan takziah dan menziarahi keluarga Thomas sebagai lambang perpaduan dan persahabatan mereka.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra **Unit 5** *Serlahkan Potensi Diri*

1. Potensi diri merupakan bakat, kebolehan atau kekuatan yang ada pada seseorang individu.

Senaraikan contoh potensi diri.

- (a) Mempunyai daya kepimpinan dan pengurusan
- (b) Mempunyai daya kreatif dan inovasi untuk mereka cipta
- (c) Boleh bermain bola sepak, olahraga, badminton
- (d) Boleh menyanyi lagu
- (e) Boleh membuat pengucapan awam seperti pidato, bercerita, ceramah, pengacara
- (f) Menulis cerpen, novel
- (g) Boleh membuat kraf tangan menggunakan bahan kitar semula
- (h) Boleh menjahit
- (i) Mempunyai kemahiran berkomunikasi seperti mudah bergaul
- (j) Sukakan aktiviti lasak

2.

Setiap individu mempunyai potensi atau keupayaan untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburinya. Potensi yang ada pada seseorang itu tidak sama antara satu individu dengan individu yang lain.

(a) Bagaimanakah kita dapat mengenali potensi diri? **KBAT** Menganalisis

- Kenal pasti kekuatan dan kelemahan diri
- Hargai keistimewaan diri
- Fikirkan cara untuk memperbaiki kelemahan diri

(b) Terangkan kepentingan untuk mengembangkan potensi diri. **KBAT** Menilai

- Mencapai kejayaan dalam kehidupan
- Menentukan kerjaya yang ingin diceburi

(c) Bagaimanakah potensi diri dapat dikembangkan di alam persekolahan? **KBAT** Mengaplikasi

- Menyertai aktiviti kokurikulum
- Meningkatkan pengetahuan dengan membaca

(d) Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu tidak berupaya untuk mengembangkan potensi dirinya.

Huraikan faktor-faktor tersebut. **KBAT** Menilai

(i) Sikap individu

(ii) Kekurangan sokongan keluarga

(iii) Masalah mental

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra

Unit 6

Hubungan Mesra Keluarga Bahagia

1. Nyatakan cara anda menyayangi anggota keluarga berdasarkan situasi berikut. TP 1

(a)



Cara:

Saya meraikan hari jadi anggota keluarga untuk menunjukkan penghargaan saya terhadap mereka.

(b)



Cara:

Saya memberikan sokongan moral kepada anggota keluarga supaya meningkatkan semangat mereka.

(c)



Cara:

Saya memberikan layanan yang sopan dan mesra demi mewujudkan keluarga yang harmoni.

(d)



Cara:

Saya mengambil berat akan masalah keluarga supaya meringankan beban anggota keluarga.

(e)



Cara:

Saya mematuhi nasihat dan larangan keluarga agar menjaga imej dan maruah keluarga.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Terangkan kesan situasi di bawah terhadap anak. **KBAT** Menilai / Menganalisis

- (a) Ibu bapa sibuk dengan kerja masing-masing dan tidak meluangkan masa bersama anak.

Apabila ibu bapa sibuk dengan urusan masing-masing, anak-anak kurang mendapat perhatian dan terabai. Mereka mudah terlibat dengan gejala sosial, terutamanya melalui pengaruh rakan sebaya, seperti ketagihan Internet, gangsterisme, merokok dan ponteng sekolah.

- (b) Ibu bapa mengabaikan pembentukan sahsiah anak-anak dengan tidak memberikan didikan yang sempurna.

Anak-anak yang tidak mendapat didikan yang sempurna sama ada akademik dan sahsiah, mudah terpengaruh dengan gejala ketagihan gajet, pergaulan bebas dan vandalisme. Ibu bapa harus mengambil berat dan memberi perhatian sepenuhnya tentang pelajaran dan perkembangan semasa anak-anak.

- (c) Ibu bapa tidak berkelapangan untuk menjalankan aktiviti kekeluargaan untuk mengeratkan ikatan silaturahim sesama anggota keluarga.

Sikap ibu bapa yang terlalu sibuk dengan urusan kerja harian, anak-anak yang dipenuhi aktiviti persekolahan menjadikan hubungan renggang. Apabila berlaku sesuatu perkara, hal ini menimbulkan ketidakfahaman dan sukar untuk mencari jalan penyelesaian.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra

Unit 7

Bijaksana Memilih Sahabat

1. Tandakan (✓) pada kesan memilih sahabat positif. TP 3

Kesan memilih sahabat positif	(✓)
(a) Membentuk personaliti yang positif	✓
(b) Menghadapi masalah kewangan	
(c) Mempunyai interaksi sosial yang sihat	✓
(d) Mencetuskan tingkah laku antisosial	
(e) Mengalami kemerosotan dalam pelajaran	
(f) Mendorong ke arah pencapaian yang cemerlang	✓
(g) Mengecewakan harapan ibu bapa dan guru	
(h) Menghadapi masalah disiplin	
(i) Mendapat nasihat dan teguran yang membina	✓
(j) Mengawal naluri yang agresif	✓
(k) Mementingkan diri sendiri tanpa peduli orang lain	
(l) Memupuk perpaduan kaum	✓
(m) Memberikan pengaruh yang baik dan berkualiti	✓
(n) Menghilangkan minat untuk belajar	
(o) Membentuk tingkah laku yang mulia	✓
(p) Membahayakan tahap kesihatan	
(q) Memberi motivasi dalam kehidupan	✓

2. Ramalkan akibat sekiranya kita memilih sahabat yang negatif.

(a) Menjejaskan masa depan

(b) Menjatuhkan maruah diri dan keluarga

(c) Mengundang ke arah keburukan

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra

Unit 8

Warga Prihatin Sekolah Sejahtera

Jawab soalan-soalan yang berikutnya.

TP 5

TP 6

KBAT Menganalisis / Menilai



1. Wajarkah murid-murid ponteng kelas untuk melakukan kerja amal seperti melukis mural? Berikan alasan anda.

Tidak wajar. Murid-murid patut memahami peraturan sekolah dan belajar di dalam kelas.

Kerja melukis mural boleh dilakukan selepas waktu persekolahan.

2. Selain menuntut ilmu, nyatakan tugas dan tanggungjawab seseorang murid di sekolah.

- (a) Melibatkan diri dalam kokurikulum
- (b) Menjaga penampilan diri
- (c) Menghulurkan bantuan kepada guru dan rakan

3. Berikan **dua** kepentingan peraturan di sekolah.

- (a) Mendidik murid supaya berdisiplin serta peka terhadap persekitaran
- (b) Melahirkan murid yang berjaya dalam akademik dan kokurikulum

4. Nyatakan **tiga** aktiviti yang dapat meningkatkan kesejahteraan warga sekolah.

- (a) Menjalankan gotong-royong
- (b) Memasang alat keselamatan dan alat penggera kebakaran
- (c) Menjalankan aktiviti keceriaan kawasan sekolah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)




Praktis Ekstra

Unit 9


Keselamatan Tempat Tinggal Tanggungjawab Bersama

1. Nyatakan contoh ancaman keselamatan yang boleh berlaku di dalam tempat kediaman dan di sekitar kawasan kediaman. **TP 1**

Ancaman keselamatan di dalam tempat kediaman



Ancaman keselamatan di sekitar kawasan kediaman




Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Lihat gambar di bawah. Tandakan (✓) untuk kediaman yang selamat dan (X) untuk kediaman yang tidak selamat. Nyatakan alasan anda.

Rumah A



- (a) Gambar ini menunjukkan:

kediaman yang selamat

☐

kediaman yang tidak selamat

☒

Alasan:

- (i) Kawasan sekitar yang kotor, tidak teratur dan berbahaya

- (ii) Pintu pagar terbuka

- (b) Gambar ini menunjukkan:

kediaman yang selamat

☒

kediaman yang tidak selamat


☐

Alasan:

- (i) Bebas daripada pembiakan nyamuk

- (ii) Pintu pagar terkunci

Rumah B




(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra Unit 10 Kemudahan Awam Dijaga Bersama


1. Berdasarkan gambar yang diberi, jelaskan kesan vandalisme. TP 2



- (a) Mencatatkan pemandangan, terutamanya tandas awam yang
dipenuhi dengan kesan contengan



- (b) Menimbulkan kesulitan dalam kalangan pengguna,
terutamanya ketika kecemasan



- (c) Membebankan pihak kerajaan untuk membaiki kerosakan
dengan kos penyelenggaraan yang tinggi



- (d) Menimbulkan persepsi negatif terhadap sikap rakyat yang
tidak menghargai kemudahan awam

2. Ceritakan perasaan anda apabila mendapati kemudahan awam telah dirosakkan.

- Kecewa dengan sikap segelintir masyarakat yang tidak mengamalkan nilai bertanggungjawab
- Marah dan sedih kerana segelintir masyarakat tidak menghargai kemudahan yang disediakan

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Bagaimanakah anda mengamalkan sikap menjaga kemudahan awam dalam kehidupan seharian? Kongsikan pengalaman anda supaya boleh dicontohi oleh rakan-rakan anda. **TP 5 TP 6 KBAT Mengaplikasi**

(a)




- Menggunakan lorong dan laluan keluar masuk dengan betul.
- Menghargai kemudahan dan kelengkapan kesihatan yang disediakan.

(b)




- Melaporkan kerosakan alatan permainan kepada pihak berkuasa.
- Menggunakan alatan permainan dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

(c)



- Membuang sisa makanan dan sampah ke dalam tong sampah.
- Menggunakan air dengan mengikut keperluan tanpa pembaziran.

(d)



- Menggunakan pengangkutan awam tanpa melakukan vandalisme.
- Menjaga dan mengutamakan kebersihan di dalam pengangkutan awam.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)




Praktis Ekstra

Unit 11

Masyarakat Prihatin Alam Terpelihara

Nyatakan kesan buruk dan cadangkan langkah mengatasi yang berkesan dalam usaha menjaga alam sekitar berdasarkan situasi yang berikut. **KBAT** Mengaplikasi

1.




Kesan buruk:

- Mengakibatkan masalah jerebu
- Menjejaskan aktiviti harian
- Meningkatkan tahap pencemaran
- Menjejaskan kesihatan orang ramai
- Menjejaskan industri pelancongan

Langkah mengatasi:

- Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas
- Mengenakan hukuman denda atau penjara

2.



Kesan buruk:

- Mengakibatkan pencemaran air
- Membahayakan hidupan akuatik
- Menyebabkan kehilangan punca air dan sumber makanan
- Menyebabkan struktur sungai berubah

Langkah mengatasi:

- Mengadakan kempen kesedaran
- Melaporkan kepada pihak berkuasa

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra Unit 12 Remaja Berhemah Harapan Negara

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. TP 5

menjaga	memikat	mengharumkan	mempromosikan
menanam	meningkatkan	mengealkan	membuka
menjalankan	mengiktiraf	mengelakkan	menjatuhkan

- Perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia telah meningkatkan imej negara di mata dunia.
- Usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk mempromosikan keunikan Malaysia telah banyak menarik perhatian pelancong asing.
- Sifat toleransi yang wujud antara masyarakat pelbagai kaum dapat mengealkan keamanan negara dan merupakan faktor utama kedatangan pelancong asing ke Malaysia.
- Para pelabur asing berani menanam modal di negara kita disebabkan kestabilan politik.
- Kemasukan pelabur asing membuka peluang pekerjaan kepada rakyat dan meningkatkan pendapatan negara.
- Laporan Indeks Keamanan Global (GPI) 2023 telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang ke-19 paling aman di dunia.
- Masyarakat yang harmoni dan bersatu padu di Malaysia telah mengharumkan nama negara di pentas dunia.
- Asas perpaduan yang kukuh dan kebudayaan yang unik dapat memikat hati pelancong untuk berkunjung ke Malaysia.
- Remaja harus mengelakkan diri daripada terjerumus dalam kancah sosial yang mencemarkan imej negara.
- Remaja yang mempunyai semangat patriotik dapat menjalankan pelbagai aktiviti pembangunan untuk meningkatkan taraf negara.
- Rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara perlu sentiasa menjaga pertuturan dan tingkah laku agar tidak merosakkan nama negara.
- Rakyat perlu mengamalkan sikap amanah dan jujur supaya tidak melakukan kegiatan rasuah yang akan menjatuhkan maruah negara.



Praktis Ekstra Unit 13 Patuhi Etiket Keluarga Harmoni


1. Nyatakan contoh etiket di rumah. TP 1

(a)



Etiket di meja makan

(b)



Etiket menghormati tetamu

(c)



Etiket menghormati keluarga

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Bincang dan nyatakan perkara yang wajar anda lakukan dalam mengamalkan etiket di rumah berdasarkan situasi berikut. **KBAT** Menilai / Menganalisis

Situasi 1

Amri, anak sulung dalam keluarganya, dimarahi oleh ibunya kerana tidak membasuh pinggan selepas makan tengah hari bersama ahli keluarganya.

Sewajarnya:

Sebagai anak sulung, Amri harus membantu ibunya mengemas meja dan membasuh pinggan mangkuk selepas makan tengah hari bersama keluarganya.

Situasi 2

Patrick sedang mengulang kaji mata pelajaran Matematik. Ayahnya menyuruh dia pergi ke kedai runcit untuk membeli barang keperluan dapur.

Sewajarnya:

Patrick memberhentikan sementara sesi ulang kajinya itu dan segera pergi membeli barangan yang dipesan oleh ayahnya.

Situasi 3

Rhenu sedang membaiki basikal di pekarangan rumah. Keluarga ibu saudaranya datang dari kampung untuk menziarahi ayah Rhenu yang sedang sakit.

Sewajarnya:

Rhenu menyambut dan mengucapkan selamat datang kepada keluarga ibu saudaranya itu serta menjemput masuk ke dalam rumah.

Situasi 4

Adik anda Farhan, telah mendapat keputusan yang sangat mengecewakan dalam peperiksaan baru-baru ini.

Sewajarnya:


Saya memberi galakan dan semangat kepada Farhan untuk belajar lebih tekun dan bersungguh-sungguh sehingga berjaya.



Praktis Ekstra Unit 14


Hindari Ketagihan Hidup Sejahtera

1. Nyatakan langkah untuk mengatasi pelbagai ketagihan yang memudaratkan. TP 4 KBAT Mengaplikasi



Langkah mengatasi:

- (i) Mengehadkan masa untuk menggunakan Internet
- (ii) Menetapkan objektif dan matlamat sebelum melayari Internet
- (iii) Menjadikan ruang siber dan Internet sebagai sumber pengetahuan
- (iv) Melibatkan diri dalam aktiviti riadah yang berfaedah



Langkah mengatasi:

- (i) Ibu bapa harus memberikan perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak
- (ii) Mengadakan pendidikan pencegahan dadah secara keseluruhan di sekolah
- (iii) Mewujudkan kesedaran tentang kesan dan bahaya dadah dalam kalangan remaja
- (iv) Mengamalkan gaya hidup sihat dan sentiasa berfikiran positif

2. Ceritakan perasaan anda apabila berjaya membantu rakan anda mengatasi ketagihan Internet. Berikan alasan anda.

- Gembira dan bangga
- Ketagihan Internet menjejaskan kesihatan
- Ketagihan Internet menjejaskan pelajaran
- Ketagihan Internet menjejaskan hubungan kekeluargaan
- Ketagihan Internet menjejaskan hubungan sosial

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

3.

Jenis ketagihan:

Penggunaan Internet, penggunaan gajet, berjudi, merokok, minum arak, menonton televisyen hingga larut malam dan permainan video

Maklumat di atas menunjukkan gejala negatif yang meracuni minda dan tingkah laku remaja kita ke arah kejahatan. Antara perkara yang dapat menghindarkan remaja kita daripada gejala ini adalah dengan melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan.

Jelaskan aktiviti yang boleh dilakukan melalui program kemasyarakatan seperti di bawah.


Program Kemasyarakatan	Aktiviti yang boleh dilakukan
Khidmat Bakti di Rumah Seri Kenangan (Rumah Orang-orang Tua)	• <u>Menghulur sumbangan seperti makanan, minuman, kerusi roda dan mesin basuh</u> • <u>Bergotong-royong membersihkan kawasan sekitar rumah kebajikan</u>
Khidmat Gotong-royong Perdana di Surau / Masjid dan Tanah Perkuburan	• <u>Membersihkan kawasan dalam dan luar masjid</u> • <u>Membersihkan kawasan tanah perkuburan</u>
Sukarelawan di Zoo Negara	• <u>Membersihkan kawasan sekitar</u> • <u>Explore tentang ekosistem / Kerja kursus tentang spesies haiwan</u>
Muhibbah Silaturahmi bersama Anak-anak Yatim	• <u>Motivasi kecemerlangan akademik seperti Ujian Akhir Sesi Akademik dan SPM</u> • <u>Sukaneka / Persembahan</u>
Sukarelawan Mangsa Bencana Alam	• <u>Menghulur bantuan kewangan, barangan keperluan harian dan perubatan</u> • <u>Membersihkan rumah mangsa / Membantu mengumpul dana dan sumbangan</u>



Praktis Ekstra Unit 15 Patuhi Peraturan Sekolah

1. Lengkapkan peta pemikiran di bawah dengan sebab dan akibat ponteng sekolah.

i-THINK Peta Pelbagai Alir



(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Nama:


Kelas:

Tarikh:

2. Berdasarkan gambar di bawah, huraikan kesan sekiranya tidak mematuhi peraturan di sekolah. TP 4

KBAT Mengaplikasi

(a)



Kesan tidak mematuhi peraturan di sekolah

- Menjejaskan imej diri dan keluarga
- Menjejaskan pelajaran dalam pencapaian akademik
- Kehilangan amanah dan tidak dipercayai oleh orang ramai
- Mengecewakan ibu bapa dan guru

(b)



- Memudaratkan kesihatan
- Menjatuhkan maruah diri dan keluarga
- Dihukum dan digantung sekolah
- Terjerumus dalam kancah dadah

(c)



- Ditangkap dan dibuang sekolah
- Meningkatkan kadar jenayah
- Menggugat keselamatan dan kesejahteraan hidup warga sekolah
- Menjejaskan masa depan diri sendiri

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra Unit 16 Kenali Hak Kanak-kanak

1. Terangkan cara melindungi hak asasi kanak-kanak dalam situasi di bawah. TP 3

Saya Qarmillah. Umur saya ialah 13 tahun. Saya mempunyai tiga orang adik-beradik. Ibu dan ayah amat menyayangi kami. Kami mendapat makanan, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna. Ibu selalu membimbing saya untuk mengulang kaji pelajaran manakala ayah membawa kami sekeluarga berjalan-jalan pada hujung minggu. Saya berasa bersyukur kerana mempunyai sebuah keluarga yang bahagia.

(a) Berikan **dua** nilai yang diamalkan oleh ibu bapa Qarmillah.

(i) Kasih sayang

(ii) Bertanggungjawab

(b) Apakah kebaikan yang diperoleh oleh Qarmillah apabila mendapat hak asasi kanak-kanak yang sewajarnya? Jelaskan.

(i) Qarmillah dapat hidup dengan gembira.

(ii) Qarmillah dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

(iii) Qarmillah dapat menghindari daripada sebarang anasir jahat.

(c) Senaraikan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk melindungi hak asasi kanak-kanak.

Badan kerajaan	Badan bukan kerajaan
(i) <u>Jabatan Kebajikan Masyarakat</u>	(i) <u>Tabung Darurat Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-bangsa Bersatu</u>
(ii) <u>Polis Diraja Malaysia</u>	(ii) <u>Yayasan Salam Malaysia</u>
(iii) <u>Kementerian Dalam Negeri</u>	(iii) <u>Yayasan Chow Kit</u>

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

Nama:

Kelas:

Tarikh:

2. Berdasarkan gambar di bawah, nyatakan jenis hak asasi kanak-kanak yang telah diamalkan. Ceritakan perasaan anda apabila hak asasi kanak-kanak dilindungi. **TP 4** **KBAT** Mengaplikasi / Menilai

(a)




Hak:

Hak penyertaan

Perasaan:

Gembira

(b)




Hak:

Hak perkembangan

Perasaan:

Bersyukur

(c)



Hak:

Hak kehidupan

Perasaan:

Bahagia

(d)



Hak:

Hak perlindungan

Perasaan:

Bangga

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Praktis Ekstra Unit 17 Rasuah Musuh Negara

1. Tandakan (✓) pada "Setuju" untuk pernyataan yang **betul** dan (X) pada "Tidak setuju" untuk pernyataan yang **salah**.

	Pernyataan	Setuju	Tidak setuju
(a)	Perbuatan rasuah merupakan tingkah laku yang mulia dan tidak berdosa.		X
(b)	Rasuah akan melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi.	✓	
(c)	Penguatkuasaan undang-undang dapat membantu membanteras gejala rasuah.	✓	
(d)	Rasuah meningkatkan imej dan maruah negara di persada dunia.		X
(e)	Pihak mahkamah hanya akan menjatuhkan hukuman berat terhadap penerima rasuah.		X
(f)	Pegangan agama yang kuat mampu membendung masalah rasuah.	✓	
(g)	Amalan rasuah menggambarkan sikap ketidakadilan dan berat sebelah.	✓	
(h)	Pengamalan budaya rasuah membantu melicinkan pengurusan.		X
(i)	Kelemahan kepimpinan dan pengurusan organisasi menyebabkan rasuah.	✓	
(j)	Rasuah merupakan sesuatu jenayah mengikut Akta Pencegahan Rasuah 1997.	✓	
(k)	Rasuah memberikan kesan yang agak positif terhadap sistem pentadbiran negara.		X
(l)	Tindakan mengambil rasuah dan memberi rasuah merupakan suatu kebiasaan.		X
(m)	Penerapan konsep keagamaan dan moral di sekolah penting dalam usaha mencegah rasuah.	✓	

2. Gariskan jawapan yang betul. TP 3 KBAT Mengaplikasi

- (a) Rasuah perlu (diatasi, dipupuk) dengan habis-habisan supaya tidak memberikan kesan buruk terhadap pembangunan negara.
- (b) Penguatkuasaan undang-undang (remeh, penting) untuk memberikan hukuman setimpal kepada mereka yang melakukan rasuah.
- (c) Hukuman dan denda yang berat dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat agar (mendekati, menjauhi) rasuah.
- (d) Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) haruslah (mengambil, menolak) langkah segera untuk menangani gejala rasuah.
- (e) Kempen kesedaran dapat memberikan kesan (positif, negatif) kepada rakyat supaya tidak melibatkan diri dalam kegiatan rasuah.
- (f) Masyarakat perlu berfikir dengan (dedikasi, rasional) sebelum bertindak untuk memberikan atau menerima rasuah.
- (g) Pihak sekolah haruslah (memupuk, mencungkil) semangat patriotisme dalam kalangan murid agar mereka memahami kesan buruk rasuah.
- (h) Pendedahan (akhir, awal) yang diberikan kepada para murid dapat menjadikan mereka sebagai insan yang lebih bertanggungjawab dan amanah.
- (i) Perasaan benci akan amalan rasuah yang telah ditanam di dalam hati rakyat akan (membebaskan, mengongkong) negara kita daripada rasuah.
- (j) Kerjasama yang (dihapuskan, diwujudkan) dalam kalangan rakyat penting untuk mengatasi isu rasuah yang semakin berleluasa.
- (k) Pihak berkuasa hendaklah (menyokong, menahan) pesalah-pesalah rasuah tanpa mengira pangkat atau kedudukan mereka.
- (l) Pihak media massa (memastikan, memainkan) peranan yang penting untuk menyalurkan idea mencegah rasuah kepada semua lapisan masyarakat.
- (m) Penerapan konsep keagamaan dan moral hendaklah dilakukan terutama di sektor (pengairan, pendidikan) negara.
- (n) Ibu bapa patut (membimbing, melepaskan) anak supaya memahami keperluan untuk menyelamatkan negara daripada ancaman rasuah.